

# Jangan bergantung pada negara2 maju

UM - 9 MAR 1983  
NEW DELHI 8 Mac - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan seluruh negara membangun bahawa mereka tidak lagi boleh terus bergantung kepada negara-negara maju melalui dialog Utara - Selatan "kerana kita tahu sekarang kita tidak lagi dapat memeras seketul batu untuk mendapat setitis darah".

Perdana Menteri mengaskan bahawa pihak Utara jelas sekali enggan mengubah peranan mereka sebagai aristokrat ekonomi dunia.

"Selagi negara-negara yang miskin dengan ekonominya tidak dapat bertindak balas, maka selama itulah kita tidak akan dapat menikmati belas kasihan mereka.

"Oleh itu, janganlah lagi kita cuba menipu diri sendiri", katanya dan disambut dengan tepukan bergemuruh dari ketua-ketua kerajaan dari lebih 100 buah negara Pergerakan Negara-Negara Berkecuali.

Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir juga membuat seruan terbuka supaya seluruh negara membangun bersatu menggembelngkan tenaga memupuk ketahanan sendiri bagi menentang kepincangan ekonomi antarabangsa sekarang.

Katanya dalam ucapan sulung di sidang kemuncak itu, hakikat tersebut merupakan keazaman Malaysia sekarang dengan matlamat bukan sahaja untuk 'survive' dalam pergolakan ekonomi dunia itu bahkan untuk bebas dari sebarang cengkaman, penindasan ekonomi dan teknologi negara maju.

Beliau juga mengajak negara-negara anggota supaya bersatu mendokong prinsip yang diamalkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa penyelesaian muktamad bagi masalah tekanan ekonomi yang tidak seimbang ialah dengan memupuk ketahanan sendiri.

"Jika kita miskin maka marilah kita berjimat dan menyimpan segala tenaga dan keupayaan yang sedikit itu supaya keperluan kita tidak melebihi keupayaan. Jika kita lemah marilah kita bersatu dalam kumpulan serantau atau antarabangsa saling bantu membantu dan berdagang antara satu sama lain setakat kita mampu", katanya.

Menurut Perdana Menteri, jika negara-negara berkenaan kekurangan kemahiran dan kepakaran maka mereka boleh berusaha mendapatkan melalui apa juga sumber-sumber yang ada.

"Proses pencapaiannya memang amat perlahan dan pahit sekali, tetapi adalah lebih baik jika kita gagal dalam percubaan dengan menggunakan tenaga kita sendiri dari cuma meletakkan harapan kepada belas kasihan dan pertolongan dari negara-negara maju di sebelah utara sahaja", tegas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia berazam kos arah mencapai cita-cita ini dan langkah-langkah telah pun diambil bagi mencapai maksud itu. Ia telah pun berjaya memupuk hubungan kerjasama dengan

negara-negara jiran dan kini memperluaskannya pula ke rantau Pasifik Selatan dan Afrika bagi mendapatkan kerjasama selatan-selatan (di kalangan negara-negara membangun sendiri) dengan lebih berkesan.

"Adalah menjadi harapan kami bahawa negara-negara lain juga akan turut mencontohi amalan ini supaya kita bukan sahaja akan survive, bahkan juga satu hari nanti akan bebas dari cengkaman penindasan ekonomi dan teknologi dari pihak Utara yang tidak berpercayaan itu", tambahnya.

Perdana Menteri sebelum itu telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai keadaan ekonomi dunia sekarang yang telah membawa kesan-kesan paling buruk ke atas negara-negara membangun.

Di antara lain-lain, kata beliau, negara-negara membangun sekarang menghadapi kadar faedah yang tinggi, inflasi yang semakin meningkat, pengangguran yang semakin bertambah, dasar perlindungan yang memuncak, kejatuhan harga barangan dan tekanan-tekanan ke atas pengaliran kewangan.

Ini semua adalah hasil perbuatan manusia sendiri

yang bertapak di negara-negara perindustrian yang maju dan berkuasa dan tidak syak lagi bahawa keputusan-keputusan yang dibuat oleh mereka itu adalah salah hingga membawa kepada krisis ekonomi yang dihadapi sekarang.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata negara-negara perusahaan itu sepatutnya menyedari kesan-kesan buruk akibat dari dasar-dasar mereka itu.

Beliau lalu mendesak negara-negara tersebut supaya menukar dasar-dasar berkenaan dan "mengembalikan kestabilan dan kesempurnaan ekonomi dunia yang pincang ini".

"Saya tidak perlu lagi menekankan di sini betapa perlunya langkah-langkah segera diambil untuk mencegah ekonomi dunia yang ada sekarang daripada menemui keruntuhan dan kehancuran sama sekali dan saya yakin apa yang dibuat oleh manusia ia pasti masih boleh dibetulkan semula", kata beliau.

"Sejarah akan menghorramati mereka yang sanggup mengakui kesilapannya dan kemudian mengambil langkah-langkah membaikinya", tambah beliau.